

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1394/1974 DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR PADA 2HB OKTOBER, 1974

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al-Quran Tahun 1974, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif kenamaan, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat mengadakan sekali lagi Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi kali yang keenam belas dan juga pada Peringkat Antarabangsa. Kita sama-sama bersyukur kerana dalam Majlis Pertandingan tahun ini kita dapat berhimpun dalam suasana yang lebih meriah dan menggembirakan kerana hari ini ternyata adanya perasaan muhibbah yang lebih erat di kalangan umat Islam baik di dalam ataupun di luar negeri.

Kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini membuktikan bahawa perpaduan di antara umat Islam di negara ini telah dapat dicapai, bahkan lebih daripada itu, perpaduan antara rakyat berbagai kaum dan ugama juga telah dapat dipertahankan dan dipereratkan. Kita sedia maklum, kemenangan Mesir dalam peperangan dengan Israel di Sinai pada bulan Ramadan tahun lalu telah membangkitkan semangat perpaduan umat Islam sedunia. Ini telah dibuktikan dengan jelas semasa Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore awal tahun ini yang berikutan pula dengan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang berlangsung di Kuala Lumpur bulan Jun atau Jamadilakhir yang lalu. Persidangan tersebut merupakan penghormatan yang tinggi kepada negara kita daripada tiga puluh tujuh buah negara Islam yang menghadiri Persidangan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Suasana yang menggembirakan hati sekalian umat Islam seperti yang kita alami di sepanjang tahun ini adalah berkat dari perpaduan umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran Kitab

Suci Al-Quran. Oleh yang demikian, amatlah tepat tema yang dipilih untuk Pertandingan Membaca Al-Quran pada tahun ini iaitu "Akhlahk Asas Perpaduan". Kita percaya bahawa dengan akhlak yang tinggi sahajalah akan dapat dicapai perpaduan yang sebenarnya di kalangan umat manusia yang terdiri dari berbagai kaum, bangsa dan keturunan kerana Al-Quran menunjukkan ajaran akhlak yang tinggi itu akan mengatasi perbezaan-perbezaan suku kaum dan bangsa seperti perbezaan warna kulit dan lain-lain.

Sesungguhnya ajaran akhlak yang dibawa oleh Al-Quran menjadikan sekalian manusia bersaudara yang hidup saling menghormati dan kasih mengasihi di antara satu sama lain. Ajaran Islam bukanlah semata-mata teori di dalam impian, tetapi adalah suatu ajaran yang ideal lagi praktikal dan sesuai untuk segala tempat, suasana dan zaman.

Pada zaman permulaan Islam, Nabi Muhammad s.a.w. telah dapat menyatupadukan berbagai suku yang saling bermusuhan dan bertentangan apabila Baginda membentuk sebuah masyarakat baru dan menegakkan negara Islam di Madinah. Baginda telah berjaya bukan saja mempersaudarakan orang Mekah dengan orang Madinah yang beragama Islam, bahkan beliau berjaya memberhentikan permusuhan dan peperangan di antara suku Aus dan Khazraj dari penduduk Madinah itu yang telah berperang beratus-ratus tahun lamanya dan mengorbankan jiwa dan harta benda yang banyak. Dengan berpegang kepada Al-Quran dan ajaran-ajaran Islam, mereka menjadi bersaudara dan bersatu hingga menjadi satu bangsa yang kuat serta dihormati oleh bangsa-bangsa Parsi dan Romawi yang lebih besar dari mereka pada zaman itu.

Allah Subhanahuwataala berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu semuanya dengan tali (ugama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulunya (zaman Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah menginjakkan di antara hatimu lalu menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang yang bersaudara".

Sesungguhnya apa yang telah diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam pemerintahan beliau di Madinah selama kira-kira sepuluh tahun telah dapat diikuti oleh umat Islam selepas beliau

dalam Kerajaan-kerajaan Islam yang silih berganti selama kira-kira 645 tahun yang berakhir dengan kejatuhan pemerintahan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad di tangan bangsa Monggol pada tahun 656 Hijrah!

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak kejatuhan Pemerintahan Baghdad kira-kira lebih dari 700 tahun yang lalu, beberapa Kerajaan Islam yang kecil-kecil telah cuba bangun termasuk beberapa Kerajaan Islam di Gugusan Pulau-pulau Melayu. Tetapi semuanya telah runtuh dan tinggal namanya saja yang tersurat dalam lipatan sejarah. Ini termasuklah Empayar Othmaniah Turki yang pernah memerintah sampai ke sebahagian benua Eropah pada kurun kelapan belas.

Jika kita kaji faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan-kerajaan Islam itu maka nyatalah sebab-sebab yang terpenting ialah kerana rosaknya akhlak di kalangan umat Islam iaitu di kalangan para pemimpin negara, ketua-ketua tentera dan di kalangan rakyat jelata amnya. Di kalangan para pemimpin, mereka telah lupa daratan dan hidup senang lenang dengan segala kemewahan dan kekayaan hingga melupakan tanggungjawab kepada negara, agama dan rakyat.

Di kalangan ketua-ketua tentera pula mereka berebutan kuasa dan berperang sesama sendiri bagi menyokong seorang Ketua yang boleh mereka jadikan sebagai alat bagi kepentingan mereka. Manakala di kalangan rakyat terjadilah puak-puak dan komplot-komplot yang saling bertentangan dalam keadaan negara yang kucar-kacir dan pemerintahan yang terpesong dari ajaran Al-Quran. Mereka melakukan segala macam perbuatan keji dan mungkar yang meruntuhkan akhlak dan membawa kepada keruntuhan negara dan kemunduran umat Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Alhamdulillah, pada hari ini umat Islam telah pulih daripada kelemahan dan kelumpuhannya. Mereka telah bangun sebagai umat yang merdeka. Negara kita adalah sebuah negara Islam yang bersama-sama sedang membangun dengan negara-negara Islam yang lain untuk membina sebuah masyarakat yang kukuh dan bersatupadu. Seperti kita sedia maklum, hari ini kita sedang giat membangun dalam segala bidang khususnya di bidang ekonomi dan sosial dengan tujuan memberikan rakyat taraf hidup yang

lebih baik dan kehidupan yang lebih sempurna. Usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan itu bukanlah semata-mata ditumpukan pada aspek material atau kebendaan sahaja, bahkan sama-sama menitikberatkan aspek-aspek kerohanian, moral atau akhlak.

Kita tahu pembangunan yang ditumpukan kepada aspek material semata-mata akan melahirkan masyarakat yang memandang hidup ini dari segi dunia semata-mata dan perkara ini akan mengulangi sejarah kejatuhan Kerajaan-kerajaan Islam seperti yang saya katakan sebentar tadi.

Hal ini telah diperingatkan Allah dalam Al-Quran yang bermaksud "Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri maka Kami perintahkan umat negeri itu supaya hidup mewah; kemudian mereka itu akan melakukan kedurhakaan dalam negeri itu. Maka sudah sewajarnya berlaku terhadap mereka itu ketentuan Kami. Kemudian Kami hancurkan sehancur-hancurnya".

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sayugia juga saya tegaskan bahawa usaha-usaha ke arah pembangunan rohaniah dan moral ini bukanlah suatu tugas yang ringan yang dapat dipikul oleh satu-satu golongan sahaja bahkan adalah tugas yang mesti dipikul bersama oleh Kerajaan dan rakyat lebih-lebih lagi rakyat yang beragama Islam yang berpegang kepada ajaran Al-Quran yang maha suci. Saya percaya berkat perpaduan umat Islam di tanahair kita seperti yang ada sekarang, usaha-usaha bagi melaksanakan ajaran Al-Quran membentuk akhlak perseorangan dan masyarakat di negara kita akan dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi. Saya menyeru kepada cerdik pandai Islam supaya tampil ke hadapan memainkan peranan mereka supaya menolong Kerajaan dalam usaha mencapai cita-cita yang suci ini.

Saya sukalah menegaskan bahawa hari ini bukanlah lagi masanya untuk kita banyak bercakap tetapi masa untuk bekerja dan bertindak. Kita telah mempelajari dari masa yang lalu bahawa cakap-cakap dan teori yang terlalu banyak tidak memberi perolongan ke arah mencapai sesuatu cita-cita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Berbalik semula kepada Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan

tahniah kepada Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan dan sekalian Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah berusaha bersungguh-sungguh menjayakan Pertandingan pada kali ini. Kita dapat merasakan suasana yang meriah malam ini walaupun keadaan tempatnya kurang memuaskan kerana kerja-kerja membaiki Stadium ini masih belum selesai. Tahun ini bilangan qari dan qariah yang bertanding di peringkat Kebangsaan telah bertambah dengan kemasukan wakil-wakil dari Wilayah Persekutuan yang buat pertama kalinya telah menghantar wakil-wakilnya.

Saya percaya dengan bertambahnya bilangan peserta, pertandingan ini akan lebih rancak dan lebih bersemangat berbanding dengan pertandingan-pertandingan dahulu. Mudah-mudahan semangat ke arah amalan membaca Al-Quran ini bukan sahaja akan mendorong umat Islam di negeri ini membaiki lagi mutu bacaannya bahkan seterusnya menambahkan semangat umat Islam untuk menjalankan hukum-hukum dan kehendak-kehendak Allah seperti yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sebagai mengakhiri ucapan saya sukalah mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada calun-calun yang menyertai Peringkat Kebangsaan pada malam ini dan seterusnya mewakili negara kita pada Peringkat Antarabangsa yang akan bermula pada 21hb Ramadan kelak.

Saya berdoa mudah-mudahan Majlis Pertandingan ini dilimpahi Allah Subhanahuwataala dengan taufik dan hidayah serta keberkatan dari Kitab Suci Al-Quran yang menjadi panduan bagi segala umat manusia.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya sukacita merasmikan pembukaan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran bagi tahun 1394 ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.